

# KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: HARIAN METRO (SETEMPAT)

TARIKH: 6 SEPTEMBER 2019

MUKA SURAT: 24

## Dua bandar kekal tak sihat

**Kuala Lumpur:** Kualiti udara di Samarahan, Sri Aman dan Kuching, Sarawak kekal tidak sihat sehingga jam 4 petang, semalam.

Menurut laporan dikeluarkan Sistem Pengurusan Indeks Pencemaran Udara Malaysia (APIMS), bacaan di ketiga-tiga lokasi terbabit menunjukkan kemerosotan berbanding jam 3 petang.

Sri Aman mencatatkan bacaan 139, Samarahan 120 dan Kuching 112, berbanding bacaan sebelumnya, 138, 118 dan 110.

Lokasi lain termasuk di ibu negara yang kelihatan berjerebu diletakkan pada tahap sederhana.

Difahamkan, keadaan itu berlaku kesan kebakaran hutan yang berlaku di Riau, Kelantan

agensi berita



**PEMANDANGAN** Menara Berkembar Petronas yang terjejas akibat jerebu, semalam.

Indonesia, ANTARA melaporkan, proses memadam kebakaran di Riau tergendala berikutan ketiadaan sumber air di lokasi kebakaran.

Menurut laporan terbabit, empat jentera *water tanker* digunakan namun operasi memadam dihenti-

kan berikutan ketiadaan sumber air.

Menurut ANTARA, kebakaran hutan di Riau membabitkan keluasan empat hektar itu bukan yang pertama berlaku tahun ini, kerana pernah terjadi Februari lalu membabitkan kota Dumai.